

**Kalau sayang saya, tolong saya', kata Najib kepada penjawat awam  
Malaysian Insider  
April 18, 2013  
Oleh Zurairi AR**

PUTRAJAYA, 18 April — Penjawat awam hari ini diminta untuk membantu Datuk Seri Najib Razak dalam pilihan raya akan datang semasa beliau melancarkan projek perumahan mampu milik, eksklusif untuk demografi di sini.

Perdana menteri kerajaan sementara itu turut menyelar calon PAS bagi kerusi parlimen Putrajaya Datuk Husam Musa yang merayu undi di sini sejak pencalonannya diumumkan minggu lepas.

"Saya tak lupa jasa penjawat awam ... Kalau sayang saya, tolong saya nanti," kata Najib kepada penjawat awam yang memenuhi auditorium hotel The Everly di sini yang mengangkat sepanduk "Saya Sayang PM" kepadanya.

Najib (gambar) di sini untuk melancarkan perumahan 1Malaysia untuk penjawat awam (PPA1M) yang menawarkan 10,336 unit rumah berukuran 1,000 hingga 1,500 kaki persegi berharga RM150,000 dan RM300,000.

Projek ini telah dikritik oleh Husam malam tadi dalam perhimpunan besar pertamanya yang membangkitkan harga mahal hartanah di Putrajaya berbanding dengan jirannya di Bukit Damar, Dengkil.

"Kalau ada sehari dua ni orang turun nak minum teh dengan kita di kantin. Hati-hati lah ya," kata Najib merujuk kepada Husam yang sudah mula mendekati penjawat awam di sini.

"Ini bukan soal dia daripada negeri ambo ... Ini soal masa depan negara kita," kata Najib.

Husam yang turut diumumkan semalam untuk bertanding di kerusi disandangnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Salor mencuba nasibnya di kerusi parlimen Putrajaya pada pilihan raya 5 Mei ini telah mendapati sukar bagi penjawat awam sama ada berpangkat rendah atau berpangkat tinggi untuk memiliki rumah di Putrajaya.

Ini disebabkan harga sebuah pangsapuri atau apartment mencecah di antara RM120,000 hingga RM150,000.

Harga untuk rumah teres dua tingkat yang ditawarkan di Putrajaya adalah antara RM500,000 hingga RM750,000, manakala harga untuk sebuah semi-D pula antara RM900,000 hingga RM1.8 juta.

Menurut baru-baru ini, Husam beliau akan menulis surat, untuk mendapatkan temujanji dengan Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Mohd Ali Hamsa bagi membincangkan dan menyelesaikan masalah perumahan yang semakin menekan kakitangan awam.

Cadangan itu dibuat selepas menjelajah beberapa kawasan perumahan di Putrajaya dan serta berdialog dengan penduduk setempat dalam kerangka kempennya.

"Saiz rumah yang disediakan adalah tidak sesuai untuk sebuah keluarga yang mempunyai anak-anak yang ramai. Kebanyakan rumah tersebut bersaiz 750 kaki persegi hingga 800 kaki persegi," katanya.

Menurut Husam, kerajaan gagal menyediakan kemudahan perumahan kepada kakitangan awam, kerana hanya mampu menyediakan 1/3 daripada jumlah 16,000 pemohon.

Terdapat lebih kurang 1.3 juta orang bekerja dengan birokrasi Malaysia. Terdapat 80,000 orang menetap di Putrajaya dengan 15,798 daripada mereka mendaftar sebagai pengundi.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kalau-sayang-saya-tolong-saya-kata-najib-kepada-penjawat-awam/>